

# **PERKAHWINAN PADA ADAT UNGANG - UNGANG DAN SYARAK DI SELANGOR**

**SILAHKAN MELAKUKAN PENGETAHUAN**

**PERKAHWINAN PADA ADAT UNGANG - UNGANG  
DAN SYARAK DI SELANGOR**



**PERKAHWINAN PADA ADAT  
UNDANG-UNDANG DAN SYARAK  
DI SELANGOR  
SUATU KAJIAN PERBANDINGAN**

سُلْطَانِيَّةِ مَالَيْزِيَا  
جَمِيعَ الْمُؤْمِنِينَ لِللهِ وَاللَّهِ يَعْلَمُ

۱۴۰۳

سُلْطَانِيَّةِ مَالَيْزِيَا

جَمِيعَ الْمُؤْمِنِينَ لِللهِ وَاللَّهِ يَعْلَمُ

سُلْطَانِيَّةِ مَالَيْزِيَا

**OLEH**

**HJ.MOKHYI @ MAYIKHI BIN HJ. MOHD OMAR**

**NO.MATRIK: G 9210964**

**KULIAH UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
PETALING JAYA  
1993**

**PERKAHWINAN PADA ADAT  
UNDANG-UNDANG DAN SYARAK  
DI SELANGOR  
SUATU KAJIAN PERBANDINGAN**

**OLEH**

**HJ.MOKHYI @ MAYIKHI BIN HJ. MOHD OMAR**

**Kertas Projek Ini Diterima Oleh  
Kuliah Undang-Undang UIA  
Bagi Memenuhi Sebahagian Daripada  
Syarat Keperluan Diploma Undang-Undang  
Dan Pentadbiran Kehakiman Islam**

**(sessi 1992/1993)**

**KULIAH UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
PETALING JAYA  
1993**

## **DAFTAR ISI KANDUNGAN**

**Kata pengantar .....**

**Penghargaan**

**Daftar Isi Kandungan**

### **BAB I**

#### **MUQADDIMAH**

### **BAB II**

#### **PERKAHWINAN**

**2.1. Perkahwinan sebelum Islam.**

**2.2. Perkahwinan dalam Islam.**

**2.3. Pensyariatan Perkahwinan.**

**2.4. Hikmah Perkahwinan.**

**2.5. Hukum Nikah.**

## **BAB III**

### **PERSIAPAN PERKAHWINAN**

- 3.1. Persiapan diri sebelum berkahwin.**
- 3.2. Memilih pasangan pada Adat Melayu Selangor.**
- 3.3. Memilih pasangan pada Undang-undang Islam.**
- 3.4. Memilih pasangan pada syarak.**

## **BAB IV**

### **PERTUNANGAN**

- 4.1. Meminang pada adat Melayu Selangor.**
- 4.2. Pertunangan pada Undang-Undang Keluarga Islam.**
- 4.3. Pertunangan pada syarak.**
  - 4.3.1. Syarat-syarat Peminangan.**
  - 4.3.2. Hukum meminang.**
  - 4.3.3. Keharusan melihat perempuan yang dipinang.**
  - 4.4.4. Perempuan-perempuan yang haram dinikahi.**

## **BAB V**

- 5.1. Rukun Nikah.**
- 5.2. Lafaz Nikah.**
- 5.3. Wali.**
- 5.4. Saksi.**
- 5.5.1. Mahar/Hantaran pada adat Melayu Selangor.**
- 5.5.2. Mahar pada Undang-Undang Keluarga Islam.**
- 5.5.3. Mahar pada Perundangan Syarak.**

## **BAB VI**

### **KENDURI KAHWIN/WALIMATUL URUS**

- 6.1. Kenduri kahwin pada adat Melayu Selangor.**
- 6.2. Kenduri kahwin pada syarak.**
- 6.3. Perubahan/perkembangan kenduri kahwin.**

## **BAB VII**

### **HAK DAN KEWAJIPAN SUAMI DAN ISTERI**

- 7.1. Hak dan kewajipan suami terhadap isteri.**
- 7.2. Hak dan kewajipan isteri terhadap suami.**
- 7.3. Hak dan kewajipan bersama terhadap rumah tangga.**

### **LAMPIRAN**

### **BIBLIOGRAFI**

### **NOTA KAKI**

### **Kata Pengantar.**

*Segala puji tertentu bagi Allah, Selawat dan Salam ke atas Junjungan Nabi Muhammad SAW, Ahli KeluargaNya, Sahabat-sahabatNya dan seluruh pengikut setia nya hingga kehari qiamat.*

*Saya mengucapkan setinggi-tinggi dan sekudusnya kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana di atas inayah dan hidayahNya saya dapat menyempurnakan Kertas Projek ini walaupun dalam keadaan yang serba kelemahan dan kekurangan, tiada kesempurnaan kecuali Allah jua, kelemahan dan kekurangan adalah dari kefakiran dan kemiskinan ilmu saya sendiri. Oleh itu dimana terdapat yang benar dan betul di dalam penulisan ini adalah kebenaran dari pemberian Allah kiranya dapat dimanfaatkan dan kiranya terdapat kekurangan dan kesilapannya dipohon dapat kiranya ditegur dan diperbetulkan serta diberikan kemaafan.*

### **Biodata Penulis.**

*Dilahirkan di Kampong Parit Baru Daerah Sabak Bernam Selangor Darul Ehsan pada tahun 1949, Pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Kg Parit Baru, Sekolah Agama Menengah Tinggi Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Batu 38, Sabak Bernam, Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan Nilam Puri kemudian ke Al Azhar Universiti dengan mendapat Ijazah B.A.Syariah.*

### **Pengalaman.**

*Pernah menjadi Pegawai Tadbir Agama/Kadi selama 9 tahun, kemudian menjawat*

*jawatan sebagai Penolong Pengarah Masjid dan Kemasyarakatan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) selama 2 tahun dan jawatan sekarang Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Masjid Negeri Selangor Darul Ehsan selama 6 tahun.*

***Penglibatan Dalam Badan-badan Kebajikan dan Amal.***

*Sewaktu belia berkecimpung aktif dalam gerakan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) setelah meningkat umur 40 tahun menyertai Persatuan Ulama' Malaysia (PUM) menjawat sebagai Timbalan Setia Usaha Agong (PUM) hingga kini.*

*Sekian Semoga Allah memberikan Taufik dan HidayahNya kepada kita, sekian. Amin.*

*Wassalam.*

*UIA 1992/1993.*

# **PENGHARGAAN**

Segala puji tertentu bagi Allah SWT selawat dan Salam keatas Baginda junjungan Nabi Muhammad SAW. Ahli-Ahli keluargaNya, sahabat-sahabatNya dan seluruh pengikut hingga hari kemudian. Saya merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Prof.Dr. Mahmud Saedon Awang Othman, Penyelia Kertas Projek saya ini yang memberi bimbingan, nasihat,dorongan dan tunjuk ajar pada menyediakan kertas projek ini, setinggi penghargaan dan terima kasih saya tujukan kepada pensyarah-pensyarah yang dikasihi yang terlibat dalam Kursus Kehakiman Islam (Sessi 1992/1993):

*Prof. Tan Seri Dato' Ahmad Ibrahim.*

*Prof. Tan Seri Dato' Syed Agil Barakbah.*

*Prof. Dr. Mahmud Saedon Awang Othman.*

*Ustaz Hj. Mohammad Abu Bakar.*

*Tuan Baharuddin Abu Bakar.*

*Cikgu Othman Awang.*

*Ustaz Idris bin Omar.*

*Prof.(M) Abdullah Abu Bakar.*

***Prof.Dato' Nik Abd Rashid bin Abd Majid.***

Dan semua pehak yang terlibat dengan pengendalian Kursus ini di Universiti Islam Antarabangsa

Setinggi penghargaan dan terima kasih juga dirakamkan kepada:

i. **Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.**

(Bahagian Latihan dan Kemajuan Kerjaya) yang menghadiahkan biasiswa latihan.

ii. **Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.**

Yang memberikan tawaran belajar di Kuliah Diploma Pentadbiran Undang-Undang dan Kehakiman Islam di Universiti Islam Antarabangsa bagi tempuh Julai 1992 hingga Mei 1993.

iii. **SS.Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor.**

Yang mengizinkan dan mencalonkan saya calon dari JAIS bagi mengikuti kursus (DAIJ).

Semua rakan-rakan kursus Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam ( DAIJ Sessi 1992/1993) dan semua yang terlibat di dalam menyediakan dan menyempurnakan kertas projek ini.

Saya berdoa dan memohon kehadrat Allah SWT semoga Allah sahaja yang akan membela kalian dengan sebaik-baik balasan dan semoga Allah mengampuni dan merahmatinya.

**NAMA : HJ.MOKHYI @ MAYIKHI BIN HJ.MOHD OMAR  
ALAMAT : JKR (P) 2277 QUATERS MASJID NEGERI 10/9,  
40000 SHAH ALAM**

**TARIKH :**

# **BAB I**

## **MUQADDIMAH**

*Pertama-tama saya mengucapkan syukur sebanyak-banyaknya serta setulus dan seikhlasnya kehadrat Allah SWT kerana dengan taufik dan hidayahnya serta izin dan inayahnya, dapat saya menyediakan kertas projek ini sebagai memenuhi sebahagian dari pada syarat yang diperlukan untuk mendapatkan Diploma Pentadbiran Undang-Undang dan Kehakiman Islam, Universiti Islam Antarabangsa.*

*Berdasarkan kepada kesedaran dan keinsafan yang mendalam memandangkan fenomena yang berlaku kepada masyarakat dizaman mutakhir ini di mana institusi kekeluargaan bagitu longgar dan sebahagiannya telah jauh menyimpang dari landasan syariat Islam, undang-undang dan adat yang mulia itu sendiri akhirnya kini timbul pelbagai kerosakkan dan bencana ke atas masyarakat disebabkan kecuaihan dan kelalaianya di dalam melaksanakan tuntutan syarak, disiplin dan undang dan ketertiban adab sopan dalam kehidupan keluarga dan masyarakat.*

*Di dalam syariat Islam penyusunan kekeluargaan telah di perundang-undangkan dan merupakan 1/4 (seperempat) daripada Fekah Islam atau perundangan Islam itu sendiri, kerana perkahwinan menurut syariah Islam adalah merupakan satu-satunya jalan kelahiran dan perbiakan suriah umat manusia yang sah bagi men-*

jaga kesinambungannya sebagai ketuanan di muka bumi, atau dengan kata lain sebagai Khalifah Allah di muka bumi untuk mencapai matlamat dan tujuan hidup di dunia dan akhirat sebagaimana difirmankan oleh Allah SWT di dalam Al quran:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّةِ وَالْأَنْسَسِ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ

Terjemahan ayat

"Tidak aku jadikan jin dan manusia kecuali untuk beribadah kepadaku". (Az-Zariyat 56)

Dengan adanya keturunan yang sah dan soleh nanti diharapkan dapat mentadbir muka bumi ini dengan melaksanakan syariah Allah untuk kesejahteraan, keselamatan dan keamanan ummah yang dapat memenuhi tuntutan Al Quran:

أَهُولَكُنْ بِرُثْرَاهُ عِبَادِي الظَّاهِرِ

Terjemahan ayat.

"Sesungguhnya yang berhak mewarisi bumi ini ialah hamba-hambaku yang soleh". (Al Anbia' 105)

Dan sehingga terbentuk atau ujudnya:

مَلَكَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ كُفُورٌ

Terjemahan ayat

"Itulah Negeri yang baik dan Allah tuhan yang Pengampun".(As-Saba' 15)

*Dengan lahirnya kertas projek yang kerdil dan serba kekurangan di dalam bidang ilmu ini dapat kiranya memberikan sekulunit pandangan dan sumbangsan kearah penyusunan keluarga sebagaimana yang dituntut oleh syarak.*

*Dalam perkembangan kini undang-undang keluarga Islam telah mula diperkemaskan melalui pindaan akta dalam perlumbagaan Negara, pengubalan enakmen dan ordinan serta kajian menditil oleh pusat-pusat pengajian tinggi terutama Fakulti Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan dengan pengumpulan data maklumat hasil penyelidikan para cendiakawan negara dari masa kesemasa dengan mengharapkan dan mensepadukan di antara adat yang mulia (iaitu adat yang tidak bercanggah dengan syarak) dan dengan kerapian undang-undang pentadbiran keluarga Islam dan kepatuhan terhadap hukum Allah yang terkandung di dalam syariatnya.*

*Insaallah dengan keyakinan yang kuat dan usaha yang berterusan akan tercapai cita-cita mengujudkan masyarakat ummah yang muslim, mukmin dan muttaqin di bumi bertuah Malaysia yang tercinta ini.*

## **BAB II**

### **PERKAHWINAN**

#### **2.1. Perkahwinan sebelum Islam.**

Perkahwinan sebelum Islam amat aneh, hina dan keji jika dibandingkan dengan syariat Islam yang indah dan sempurna di dalam peraturan hukum perkakhwinan. Ini jelas jika kita melihat sejarah adat dan perkahwinan orang-orang arab sebelum kedatangan Islam, perkahwinan mereka menggunakan beberapa cara diantaranya:

##### **2.1.1. Secara simpanan (Gondek)**

Masyarakat Arab jahiliah menganggap perhubungan jenis diluar nikah diantara lelaki dengan perempuan tidak dianggap salah kalau iannya dilakukan secara sembunyi. Oleh itu setiap lelaki boleh mengauli mana-mana perempuan yang di sukai asalkan dilakukan di tempat yang tersembunyi dan pada mereka pergaulan akan menjadi lebih baik jika dilakukan kepada seorang perempuan langganan yang tertentu.<sup>1</sup>

Oleh itu banyak di kalangan orang lelaki yang menyimpan di rumahnya secara sembunyi dan pergaulan mereka seperti suami isteri tetapi mereka tidak terikat dengan apa-apa akad atau peraturan tertentu yang penting bagi mereka pihak lelaki mem-

beri bayaran tertentu kepada perempuan yang disimpannya dan memberikan keperluannya, pada mereka simpan perempuan secara sembunyi tidak dikira zina, amalan dan perbuatan keji mereka ditegur dan ditegah setelah kedatangan Islam, di antaranya Allah SWT berfirman:

وَلَا مُنْتَزِي أَهْدَانَ

Terjemahan ayat

"Dan bukan perempuan yang mengambil upah (bayaran)" (Al-Maidah 5)

Dan Allah berfirman lagi:

وَلَا تُقْرِبُوا الْفَوَاحِشَ سَاءَ كُثُرُ مِنْهَا وَمَا يَنْهَا

Terjemahan Ayat:

"Dan janganlah kainu dekati perempuan keji (zina) samaada secara terang-terang atau secara sembunyi" (Al-An'Am 151).

Daripada penjelasan ayat di atas bahawa perkara yang keji (zina) tidak boleh dilakukan walaupun dengan cara sembunyi sedangkan pada adat jahiliah simpan cara sembunyi tidak dikatakan zina, pada mereka secara terang-terang seperti di tempat-tempat pelacuran baru dikatakan zina, oleh itu Islam mencela perbuatan mereka itu dan mengantikan dengan syariat yang amat sempurna dan sesuai dengan fitrah manusia yang berakal dan bermoral.

#### 2.1.2. Bertukar-tukar isteri.

Tukar menukar isteri adalah salah satu cara perkahwinan

yang dilakukan dikalangan masyarakat jahiliah contohnya, sesorang berkata kepada temannya "kalau engkau setuju ambillah isteriku dan aku pula mengambil isterimu dengan bayaran sekian" 3. Kalau mereka setuju, maka berlakulah bertukar-tukar isteri dan mereka hidup bersama sebagaimana hidup suami isteri dalam beberapa waktu tertentu sepanjang masa yang diper setujui diantara kedua belah pihak, pada pandangan Islam amatlah keji dan buruknya amalan seperti ini ianya hanya boleh ber laku dan dilakukan oleh orang-orang yang tidak beriman, berakh lak dan bermoral, yang anehnya dizaman moden ini ada masyarakat yang melakukan amalan seperti mengulangi lagi cara dan amalan jahiliah sebelum kedatangan Islam.

**2.1.3. Didalam satu riwayat Saidatina Aishah r.a. berkata bahawa perkahwinan di zaman jahiliah ada empat macam:**

**1. Perkahwinan dengan cara peminangan.**

Perkahwinan dengan cara ini seorang lelaki pergi menemui wali perempuan yang hendak dikahwini dan kemudian dipinangnya apabila telah bersetuju kedua-dua belah pihak lalu mereka dinikahkan dengan membayar maharnya.<sup>4</sup>

**2. Perkahwinan secara gadai atau pinjam.**

Perkahwinan cara ini pihak suami berkata kepada isterinya dengan katanya" pergilah engkau ke rumah sipulan dan layanilah

*dia seperti kamu melayani aku."sedangkan suaminya sengaja menjauhkan diri dan tidak mengauli isterinya sehingga isterinya itu ternyata hamil, setelah isterinya itu hamil maka suaminya kembali mengaulinya semula jika dia mahu, pada anggapan dan kepercayaan mereka perkahwinan seperti ini dilakukan kononnya untuk mendapatkan anak dan keturunan yang bijak dan pintar.*<sup>5</sup>

### **3. Perkahwinan dengan salah seorang lelaki yang telah mengaulinya.**

*Perkahwinan dengan cara ini, beberapa orang lelaki di bawah sepuloh orang mengauli seorang perempuan dengan cara bergilir-gilir atau berganti sehingga perempuan itu hamil dan melahirkan anak, beberapa hari kemudian perempuan itu mengirimkan anaknya kepada salah seorang daripada lelaki tersebut, lelaki yang didatangi itu tidak boleh menolak dan mesti menerimanya dan mesti menjaga anaknya sampai kesemua lelaki yang mengauli perempuan itu berkumpul di rumah perempuan itu.*

*Setelah semua lelaki terbabit berkumpul di rumahnya maka perempuan itu berkata "saya tidak perlu lagi menerangkan permasalahannya secara terprinci kerana kamu semua sudah maklum, untuk pengetahuan kalian,saya telah melahirkan anak ini,kemudian dia berkata kepada salah seorang yang dia cintai diantara lelaki-lelaki itu lalu berkata, wahai pulan, anak ini adalah anak mu dan lelaki yang ditunjukkan itu tidak boleh menolaknya.*<sup>6</sup>

iv. *Perkahwinan dengan lelaki yang paling mirip dengan wajah anaknya.*

Perkahwinan dengan cara ini adalah perkahwinan bagi wanita-wanita yang rela digauli oleh sebarang lelaki, mereka itu sama seperti pelacur di masa kini, di depan rumah itu dipasang bendera sebagai tanda bahawa di situ adalah tempat untuk memuaskan nafsu. Apabila perempuan itu hamil dan melahirkan anak maka semua lelaki yang pernah mengaulinya di panggil, bersama-sama itu pula dipanggil seorang ahli nujum yang pakar dalam bidang tenung nasib dan firasat, maka ahli nujum itu pun meneliti keadaan dan paras rupa anak tersebut sambil membanding-bandung kannya dengan kumpulan lelaki tersebut yang hadir, apabila nujum itu menunjukan salah seorang yang ditetapkan sebagai ayah kepada anak itu, maka lelaki tersebut tidak boleh menolaknya.<sup>7</sup>

Demikianlah sepantas lalu adat adat perkahwinan di zaman sebelum kedatangan Islam amat aneh, keji dan hina, nilai dan harga wanita tak ubah seperti barang, boleh dijual beli, pajak dan gadai, pinjam dan pakai dengan sewenang-wenangnya bagi memenuhi nafsu rakus lelaki.

Amalan tersebut amat bertentangan dengan fitrah manusia, oleh itu kaum wanita pada hari ini perlulah bersyukur kehadiran Allah SWT dan berbanyak berterima kasih dan mengucapkan solawat ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW kerana kehadiran baginda dengan membawa Al Quran dan sunnahNya amat banyak membawa rahmat dan keadilan kepada kaum wanita.

*Didalam Islam kaum wanita di hormati dan di muliakan, kerana kaum wanita adalah ibu dan ibu wajib di jaga kehormatan, maruah dan keselamatannya. Dengan perutusan Nabi Muhammad SAW dan pensyariatan perkahwinan dalam Islam maka perkahwinan seperti diatas dimansuhkan atau dihapuskan kecuali secara yang pertama dalam perenggan (a) di atas iaitu perkahwinan secara pertunangan atau peminangan sahaja yang ada persamaannya dengan Islam, oleh itu disempurnakan dengan cara dan hukum pernikahan dalam Islam yang lebih lengkap dan sempurna dan ditambahkan syarat dan rukunnya seperti wali, saksi, ijab, kabul dan mahar.*

## **2.2. Perkahwinan dalam Islam.**

*Sudah Menjadi lumrah dan tabiat alam yang dicipta oleh Allah SWT semua berpasang-pasangan atau dengan kata lain setiap sesuatu diciptakan oleh Allah ada jodoh dan lawan masing masing, begitulah sunnah Allah terhadap makhluknya, sebagai contoh bumi pasangannya langit, siang dengan malam, jantan dengan betina, tidak ketinggalan manusia makhluk yang dimuliakan sudah barang tentu di berikan oleh Allah peraturan hukum dan bimbingan yang baik, bagi menunjukkan kesempurnaan keutamaan itu, Allah berfirman:*

*وَلَقَدْ كَرِبَنَا بِنَّ أَدْمَ وَجْهَنَّمَ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَا هُمْ مِنَ الطَّيَّابَاتِ وَخَضَّلْنَا هُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّنْ خَلْقِنَا فَفَضَّلُوا .*

*Terjemahan ayat.*

" Demi sesungguhnya kami (Allah) telah memuliakan bani Adam dan Kami (Allah) tanggung mereka di daratan dan di lautan dan kami (Allah) berikan kepada mereka rezeki yang baik-baik dan kami (Allah) kurniakan kepada mereka kelebihan dan keutamaan dari makhluk yang kami ciptakan dengan berbagai kelebihan." (Al-Isra'- 70)

Allah SWT. menjadikan manusia tidak seperti makhluk lain yang bebas mengikut kehendak hawa nafsunya dengan tidak mempunyai peraturan, tetapi demi menjaga kehormatan dan mertabat manusia Allah ciptakan hukum yang sesuai dengan mertabat dan kedudukan manusia, sehingga hubungan lelaki dengan perempuan diatur dengan sebaik-baiknya dan terhurmat diatas dasar saling redha meredhai dengan mengadakan acara ijab dan qabul sebagai lambang daripada persetujuan di hadapan wali dan saksi yang menyaksikan bahawa pasangan lelaki dan perempuan telah saling terikat itulah yang di sebut perkahwinan dalam Islam.

Perkahwinan telah memberikan jalan yang aman terhadap naluri seks, memelihara keturunan dengan baik dan sempurna dan menjaga kaum wanita supaya kaum wanita tidak dilakukan seperti barang dan binatang ternakan yang boleh dilakukan apakah sahaja terhadapnya seperti digadai, dijual beli, dipinjam dan sebagainya.

Dalam Islam pergaulan suami isteri di letakkan di bawah

naungan naluri keibuan dan kebaaan yang dipandu oleh hukum syarak di atas dasar iman dan ketaatan kepada Allah sebagai ibadah yang diharapkan akan melahirkan zuriat dan keturunan yang solleh kepada ibubapanya, bangsa dan negaranya, peraturan perkahwinan seperti inilah yang dituntut oleh Islam dan direhui oleh Allah.

Perkahwinan dari segi bahasa ialah akad atau ikatan, dalam ajaran Islam perkahwinan atau nikah memberi erti suatu perjanjian suci antara seorang lelaki dengan seorang perempuan untuk membangun suatu rumah tangga dalam ikatan sebagai suami isteri sesuai dengan ketentuan **syarak** 8. An-nikah ber-  
asal dari perkataan arab, maknanya ialah berkumpul atau ber-  
himpun dan dalam segi syarak ialah akad yang mengharuskan  
bersetubuh dengan perkataan nikah atau **tazwij** 9.

Perkahwinan pada syarak atau hukum Islam ialah mengakad-  
kan antara lelaki dan perempuan dengan mengandungi ijab dan qabul serta ada seorang wali bagi perempuan itu dan dua orang saksi. Perkahwinan yang tidak mengandungi syarat tersebut tidak sah di dalam hukum Islam, apabila perkahwinan itu tidak sah bererti segala perkara yang berkaitan dengannya seperti perhubungan nasab (keturunan), persaudaraan dan harta pesaka tidak akan berjalan hukumnya bahkan jika berlaku persetubuhan maka hukumnya **zina** 10.

Perkahwinan merupakan ikatan suci lagi mulia dan ianya bertujuan menggalakkan perhubungan diantara lelaki dan perempuan serta menghalal hubungan jenis yang menjadi tuntutan dalam kehidupan manusia, di samping itu juga dapat melahirkan zuriat dan keturunan yang dapat diiktiraf oleh masyarakat sekelilingnya dan generasi yang pergi dapat diganti oleh generasi yang baru 11. Allah Berfirman:

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ إِمَامًاٌ وَجَعَلَ مِنْ أَزْوَاجِكُمْ بَعْضَهُنَّ رَاعِيَةً

Terjemahan Ayat,

"Dan Allah telah menjadikan bagi kamu daripada jenis kamu pasangan dan Allah menjadikan dari pasangan-pasangan itu anak-anak dan cucu cicit. (Ar-Rom. 30)

Perkahwinan itu adalah nama dari satu perkongsian hidup, telah berkahwin satu kaum yakni berkahwin sebahagiannya dengan sebahagian yang lain, dan yang dimaksudkan dengan pasangan disini ialah mempunyai pasangan yang lain dari jenisnya, lalu ia dikatakan sepasang atau dua merpati iaitu siisteri adalah wanita bagi suaminya, sedangkan suami pula sebagai tuannya.12 Memang telah menjadi lumrah alam (Sunnatullah) bahawa tuhan telah menjadikan di atas muka bumi ini bagi tiap-tiap kejadian (makhluuk) adalah berpasang-pasangan sebagaimana firmanya:

وَمِنْ كُلِّ شَيْءٍ خَلَقْنَا زَوْجَيْنَ لَهُمْ تَذَكُّرُونَ

Terjemahan ayat,

" Dan bagi tiap-tiap sesuatu itu kami jadikannya berpasang-pasangan mudah-mudahan kamu memdapat peringatan"  
(Az-Zariat-49).

Perkahwinan antara lain ialah untuk mengembang biakan keturunan manusia yang berantai-rantai iaitu mengikut peraturan dan hukum yang betul supaya dapat di jaga dan dikawal zuriat keturunan itu yang dapat dibanggakan kuantiti dan kualitinya sebagaimana yang dituntut oleh Rasulullah SAW dengan sabdanya:

انکو ناف مکا شریع

Ertinya:

"Nikahlah kamu, sesungguhnya aku (Rasulullah) akan berbangga dengan umatku yang ramai dihari akhirat nanti.

Sunan Ibnu Majah - Babun Nikah - Bab 8 Juzli Al Awal Hadis 1863 - MS 599 Dar Ehya Al Thuras Al Arabi 1395 H - 1975.